KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	15/10/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU			

500,000 pokok hiasi seluruh Terengganu

Oleh TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF

KUALA TERENGGANU – Sebanyak 267,176 batang pokok telah ditanam di seluruh Terengganu oleh Jabatan Perhutanan negeri sejak awal tahun ini.

Pegawai Hutan Daerah Kuala Terengganu, Wan Radzi Wan Abdullah berkata, penanaman pokok berkenaan merupakan inisiatif dalam mengekalkan kawasan hijau terutama di tanah lapang di negeri berkenaan.

Beliau berkata, Jabatan Perhutanan negeri menyasar untuk menanam lebih 230,000 batang pokok lagi menjelang hujung tahun ini.

"Ia bagi membolehkan kita mencapai sasaran menanam 500,000 batang pokok tahun ini.

"Program ini merupakan sebahagian kempen penanaman 100 juta pokok di seluruh negara menjelang tahun 2025 yang dianjurkan Kerajaan Pusat," katanya selepas menghadiri program penanaman pokok di Kampung Kepong di sini semalam.

Program yang mendapat kerjasama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) di Kampung Kepong itu disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Digital Terengganu, Ariffin Deraman.


Wan Radzi berkata, sebanyak 200 pokok pelbagai spesies telah ditanam di Kampung Kepong pada program berkenaan.

Dalam perkembangan sama, beliau memberitahu, Terengganu kini berada pada tangga keenam negeri yang paling banyak menanam pokok sempena kempen 100 juta pokok berkenaan.

"Aktiviti penanaman pokok ini agak perlahan sebelum ini berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun ketika ini ia sudah kembali aktif.

"Pelbagai aktiviti melibatkan komuniti telah diatur untuk merancakkan program penanaman pokok bagi mengurangkan kesan rumah hijau ini," jelasnya.

Kosmo 15 Okt 2021_16



WAN RADZI (kanan) memerhatikan Ariffin (duduk, kanan) menanam pokok di Kampung Kepong, Kuala Terengganu semalam.